

Setiap aduan perlu diberi perhatian serius

Kuala Lumpur: Setiap aduan membabitkan kes dera perlu diberi perhatian serius bagi membolehkan perbuatan itu segera disiasat demi menyelamatkan mangsa daripada terus menderita.

Tindakan pantas penting dengan mengetepikan masalah rumah tangga sebagai isu dalaman setiap pasangan kerana kes yang lewat ditangani boleh menyebabkan berlaku keganasan lebih serius sehingga mengancam nyawa mangsa.

Ketua Jabatan Psikiatri Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Prof Dr Ahmad Hatim Sulaiman, berkata tanggapan serong masyarakat dan kurang maklum balas daripada pihak berwajib membuatkan isteri mangsa didera sukar mendapatkan pertolongan segera.

Keganasan rumah tangga katanya, tidak hanya berlaku dalam

bentuk fizikal tetapi dari segi emosi, seksual dan bebanan kewangan.

“Keadaan ini menyebabkan mereka malu untuk berkongsi dengan orang lain. Tidak ada individu sanggup bercerita perkara buruk apatah hubungan mereka dilihat bahagia.

“Mereka paparkan kebahagiaan dengan mempunyai cahaya mata sedangkan mereka mangsa keganasan rumah tangga kerana bimbang tanggapan serong masyarakat yang sering meletakkan kesalahan pada wanita,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Sementara itu, Kaunselor Berdaftar Universiti Putra Malaysia, Siti Fatimah Abdul Ghani, berkata mangsa dera tidak boleh diabaikan sendiri dalam menyelesaikan masalah mereka.

“Justeru, mangsa disaran mendapatkan bantuan khidmat kaunseling sama ada secara bersemu-



“Keganasan rumah tangga tidak hanya berlaku dalam bentuk fizikal tetapi dari segi emosi, seksual dan bebanan kewangan.”

**Dr Ahmad Hatim Sulaiman,
Ketua Jabatan Psikiatri PPUM**

ka atau melalui panggilan telefon bagi mengeluarkan mereka daripada belenggu masalah.

“Penderaan terus berlaku apabila mangsa memilih menyembunyikan masalah rumah tangga biarpun dirinya terus didera berpuluh tahun kerana tidak mahu memecahkan norma dengan melaporkannya kepada pihak berwajib,” katanya.

Kelmarin, *BH* melaporkan ramai wanita muda berkerjaya menjadi mangsa dengan kira-kira 4,277 kes keganasan rumah tangga direkodkan bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerima lebih 1,600 kes keganasan rumah tangga membabitkan golongan berkenaan dengan kebanyakan kes penderaan membabitkan pasangan berusia antara 26 hingga 35 tahun yang dianggap masih berada pada fasa awal perkahwinan.